



TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Deputy Director General of Education Malaysia

PEMBANGUNAN PROFESIONALISME KEGURUAN

Teachers Professional Development

ARAS 6, BLOK E 13, PARCEL E

Level 6, Block E13, Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 1078

Faks: 03-8884 1092

Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/7/8 (100)

Tarikh : 13 Oktober 2020

**Semua Pengarah Kolej Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia**

**Pengarah
Kolej MARA Kulim
Kolej MARA Kuala Nerang**

Tuan,

**PINDAAN TARIKH KEMBALI KE KOLEJ MATRIKULASI KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pelajar Program Matrikulasi KPM dijadualkan kembali semula ke kolej matrikulasi pada 17 atau 18 Oktober 2020 selepas tamat Cuti Pertengahan Semester I, Sesi 2020/2021.

3. Susulan arahan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di beberapa buah negeri oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), KPM telah menetapkan tarikh baharu pelajar kembali semula ke kolej matrikulasi seperti berikut:

- a) **24 Oktober 2020** bagi semua pelajar kolej matrikulasi KPM di negeri Kedah, Kelantan dan Johor manakala **25 Oktober 2020** bagi kolej matrikulasi di negeri-negeri lain.
- b) **28 Oktober 2020** bagi semua pelajar Kolej Matrikulasi Selangor dan pelajar yang berasal dari negeri-negeri yang di dalam pelaksanaan PKPB iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

KPM.100-1/7/8 (100)

4. Proses pengajaran dan pembelajaran pelajar mulai 18 hingga 27 Oktober 2020 akan dilaksanakan secara dalam talian (*online*) sepenuhnya. Manakala Ujian MUET *Speaking* bagi calon-calon Matrikulasi Khas MUET Sesi 2 Tahun 2020 juga telah ditunda ke tarikh yang baharu iaitu pada **2 hingga 10 November 2020**.

Kerjasama tuan adalah dimohon untuk memaklumkan isi kandungan surat ini kepada warga kolej bawah kawalan tuan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



DR. AHMAD RAFEE BIN CHE KASSIM

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan (SPPK)
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia